

PENGUMUMAN

INISIATIF SAFE@WORK

POTONGAN CUKAI BAGI PERBELANJAAN PENYEDIAAN PENGINAPAN PEKERJA MAKSIMUM RM50,000

Adalah dimaklumkan bahawa Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) telah meluluskan dan mewartakan **Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan Bagi Perbelanjaan Penyediaan Penginapan Pekerja) 2021, P.U.(A) 470** bertarikh **24 Disember 2021**. Justeru ini, syarikat yang telah memohon di bawah MITI Safe@Work serta mendapat penilaian **markah 70% ke atas** (*sila muat turun surat CIMS Safe@Work sebagai bukti kelayakan*) adalah **layak untuk membuat tuntutan potongan cukai bagi perbelanjaan penyediaan penginapan pekerja** seperti termaktub di dalam warta tersebut dengan **syarat**:

- i. syarikat diperbadankan di bawah Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) di bawah **Akta Syarikat 2016 (Akta 777)**;
- ii. syarikat **menjalankan aktiviti pengilangan atau perkhidmatan berkaitan pengilangan** dan memiliki **Manufacturing License (ML) / Sijil ICA 10** (bawah Akta Industrial Coordination Act 1975);
- iii. penginapan pekerja yang disebut hendaklah penginapan yang diperakukan dengan **Perakuan Penginapan** sebagaimana yang diperuntukkan di bawah **seksyen 24D Akta Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja 1990**, tetapi tidak termasuk penginapan bagi pengarah syarikat; dan
- iv. potongan yang dibenarkan adalah ke atas perbelanjaan yang dilakukan oleh syarikat bagi **sewaan premis bagi tujuan penginapan pekerja dalam tempoh mulai 1 Januari 2021 – 31 Disember 2022**.

Pihak MITI ingin mengingatkan bahawa adalah menjadi kewajipan dan tanggungjawab pihak syarikat untuk mematuhi peruntukan *Safe@Work* dan juga Prosedur Operasi Standard (SOP) semasa yang ditetapkan Kerajaan. **Pasukan Petugas Khas Pemantauan Pelaksanaan Inisiatif *Safe@Work* bagi Sektor Perkilangan dan Perkhidmatan yang Berkaitan** akan menjalankan pemeriksaan ke premis syarikat untuk menilai tahap pematuhan syarat peruntukan SOP *Safe@Work* dari semasa ke semasa.

Bagi tujuan pelepasan cukai bagi penyediaan penginapan, pihak syarikat bolehlah membuat tuntutan melalui *self-declaration* dan dikehendaki untuk menyimpan dokumen perbelanjaan yang dibenarkan untuk rujukan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) kelak. Syarikat hanya layak untuk menuntut **sekali sahaja** dalam tempoh pelaksanaan *Safe@Work* dari **1 Januari 2021 – 31 Disember 2022**. Adalah ditegaskan bahawa **sebarang tuntutan palsu / kesalahan dalam deklarasi potongan cukai** boleh menyebabkan syarikat dikenakan **tindakan undang-undang**.

Sebarang pertanyaan boleh dikemukakan kepada safework@miti.gov.my.

KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA & INDUSTRI (MITI)

19 MEI 2022

Tentang MITI:

MITI adalah pemacu utama dalam menjadikan Malaysia sebagai destinasi pilihan bagi pelaburan berkualiti dan meningkatkan status negara ini sebagai sebuah negara perdagangan yang kompetitif di peringkat global. Objektif dan peranannya adalah berorientasikan ke arah memastikan pembangunan ekonomi yang pesat di Malaysia dan membantu mencapai matlamat yang dinyatakan di negara ini untuk menjadi sebuah negara maju.

Pertanyaan Media:

Unit Komunikasi Strategik MITI

Tel : +603-6200 0082

Faks : +603-6206 4293

E-mel : alluks@miti.gov.my